

EDISI JULAI-DISEMBER 2023

# BULETIN CITRA

KOLEJ KEDIAMAN  
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH  
SELAYANG & TELUK INTAN



*“Jangan sekali berfikir untuk berhenti dari apa yang telah kamu usahakan selama ini, kerana langkahmu sudah terlalu jauh untuk menyerah.”*



eISSN 2821-3602





# *Sidang Redaksi*

## **BULETIN CITRA**

### PENAUNG

Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman

### KETUA EDITOR

En. Mohd Yazrie Yacob

### PENYELARAS

Pn. Nurul Nadzirah Ismail, Pn. Alliya Amira Yasin, Pn. Suhaili Ajib, Pn. Noor Aznie Aziz, En. Hilmi Abdullah, En. Muhammad Aliff Haikal Roslan

### PENYEDIA LAPORAN

Nur Imannina Sahrian, Mohammad Azhar Azumat, Alya Syafiqah Shafie, Mumtazah Aiesyah Hassan, Muhammad Shabrun Izz Hail Shahrizalhisham, Mohammad Akmal Mohd Ashari, Mohammad Shameer Ihaping, Amirah Aqilah Khairulnizam, Durathul Jannah Aisyah Mohamad Aw, Nur Sarah Qistina Mohd Sani, Wan Muhammad Afif Nazrul Anuar, Siti Khodijah Khoirolanuar, Azrai Sazwan Suhaimi

### PEREKA GRAFIK & SUSUN ATUR


Encik Mohd Yazrie Yacob, Solehah Mohd Basri, Aina Asyiqin Md Khaizan



Sidang Redaksi Buletin Citra merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai buloh, Selayang & Teluk Intan dan semua Bahagian di UiTM yang menjayakan penerbitan buletin Edisi Julai-Disember 2023.

Sebarang makluman dan pertanyaan sila hubungi:

**Sidang Redaksi Buletin Citra**  
Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
Sesi 2022/2023  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Selangor  
Kampus Sungai Buloh  
47000 Sungai Buloh  
SELANGOR



## ISI KANDUNGAN

UCAPAN TAHNIAH, PENGHARGAAN DAN SELAMAT BERSARA	1
SELAMAT DATANG PELAJAR BAHRU	8
PERASMIAN BULAN KEMERDEKAAN DAN SEMARAK KONVOI MERDEKA	9
MERDEKA RUN 2023	11
FESKO 2023	15
TALK WITH INFLUENCER MR. GUY	17
I CAN SEE YOUR TALENT	18
NEON NIGHT: LOOK UP THE SKY	19
SIT N LEARN WITH MISS ADIBAH	20
TALK AND TRANSFORM WITH HIM!	21
A JOURNEY TO SONGKHLA: MENJEJAK WILAYAH MELAYU YANG HILANG	23
PROGRAM HALUAN SISWA UITM	29
JPK CAKNA MENTAL HEALTH	31
KARNIVAL SUKAN TRADISIONAL	33
THRIFT & THRIVE	35
BOONDLE: BOOK BUNDLE	36
JPK'S BEST EXCO	37



الجامعة التقنية الماليزية  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



## **SELAMAT BERSAMA & TERIMA KASIH**

YBHG. PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

atas jasa dan khidmat bakti sebagai  
Naib Canselor UiTM

*Ikhlas Daripada*  
**Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar**  
& Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
**UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang & Teluk Intan**



الجامعة التقنية الماليزية  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



## **TAHNIAH & SELAMAT DATANG**

YBHG. DATUK PROF. TS. DR.  
SHahrin Sahib@sahibuddin

atas pelantikan sebagai Naib Canselor UiTM  
berkuatkuasa mulai 2 November 2023

*Ikhlas Daripada*  
**Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar**  
& Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
**UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang & Teluk Intan**



Cawangan Selangor

Setinggi-tinggi  
**TAHANIAH**

**PROFESOR DR AHMAD TAUFEK ABDUL RAHMAN**

atas pelantikan sebagai  
**REKTOR UITM CAWANGAN SELANGOR**

"Selamat Menjalankan Tugas"

Ikhlas daripada  
Unit Pengurusan Kolej (UPK) & Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan



Cawangan Selangor  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA  
Kampus Sungai Buloh  
Selayang & Teluk Intan

**TAHANIAH  
& SELAMAT DATANG**

**Encik Mohd Azhar  
bin Mohd Radzuan**

atas perlantikan sebagai  
**Staf Residen Kolej**  
(Kampus Selayang)  
Bermula  
**15 Disember 2023**

Ikhlas Daripada  
**Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar  
& Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang &  
Teluk Intan**



**SYABAS DAN TAHNIAH** buat Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan apabila berjaya mendapat penarafan emas di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Zon Tengah Universiti Teknologi MARA yang telah berlangsung pada 12 & 13 September 2023 di Dewan Anjung Seri Budiman UiTM Shah Alam yang lalu. Kumpulan 3K telah menjadi satu-satunya Kumpulan yang telah berjaya ke peringkat ini bagi mewakili UiTM Cawangan Selangor.

Kejayaan demi kejayaan telah berjaya dicipta apabila Kumpulan 3K berjaya bertanding di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Teknologi MARA. Kumpulan 3K telah berjaya merangkul Anugerah Fasilitator Terbaik pada konvensyen yang berlangsung selama 3 hari.


Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) juga telah berpeluang menghadiri Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM diadakan pada setiap tahun dengan tujuan meningkatkan kesedaran warga universiti terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja, pembudayaan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan, mempelbagaikan dimensi kreativiti dan inovasi dalam prosedur kerja serta meningkatkan kecekapan ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Pada majlis Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) mewakili Kumpulan 3K turut berjaya memenangi Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif Berpotensi Konvensyen KIK UiTM 2023. Kejayaan ini menjadi pengalaman yang sangat berharga buat semua staf Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan kerana buat pertama kalinya projek ini dipertandingkan dan berjaya memenangi anugerah.

Tahun 2023 adalah tahun yang sangat bermakna kepada Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan kerana kejayaan demi kejayaan telah berjaya dicipta dan pada Majlis Apresiasi Staf Pejabat Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) telah berjaya memenangi 2 kategori iaitu Jabatan Dengan Rekod TMS Terbaik dan Anugerah Jabatan Yang Menganjurkan Kursus Dan Program Terbanyak



Tahun 2023. Penganjuran majlis ini bertujuan menghargai sumbangan dan menyampaikan anugerah perkhidmatan agar staf terus bersemangat untuk sentiasa memperbaiki dan memajukan jabatan demi kemajuan kampus dan Universiti. Ia sekaligus di harapkan dapat meningkatkan semangat kebersamaan dan silaturrahim diantara staf merentas jabatan.

Kejayaan pada hari ini perlu dikedalkan dengan melipat ganda usaha agar Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) terus cemerlang melakar kejayaan pada tahun 2024 dan hari-hari mendatang.





Pada 20 Oktober 2023, YBhg. Professor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman yang merupakan Rektor UiTM Cawangan Selangor telah hadir meraikan majlis persaraan staf iaitu Majlis Budi Dikenang, Bakti Disanjung buat Encik Rossaidi Suaid (Penyelia Asrama Kanan) staf Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar yang telah berkhidmat bermula pada tahun 2017 sehingga 2023 dan beliau telah memilih untuk bersara pilihan.

Ribuan terima kasih kepada beliau kerana telah mencurahkan khidmat bakti dan sumbangan yang tidak berbelah bahagi kepada pihak UiTM sepanjang perkhidmatan beliau.

Penganjuran Majlis Budi Dikenang, Bakti disanjung ini amat bermakna kerana dapat meraikan majlis persaraan ini bersama semua staf dari semua unit di UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Semoga ukhuwah dibina bersama ini akan kukuh terjalin selamanya.

## Selamat Datang Pelajar Baharu Ke UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh

4 Oktober 2023 – 29 September 2023 (Jumaat) telah berlangsung sesi pendaftaran dan menyambut pelajar baharu yang telah selesai Program MDS di UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. Anggaran seramai 340 orang pelajar bagi sesi akademik 2023/2024 telah hadir ke UiTM Kampus Sungai Buloh dengan menaiki 6 biji bas. Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah turut serta membantu Unit Pengurusan Kolej (UPK) dalam proses pendaftaran pelajar pada kali ini. Semoga pelajar baharu pada pengambilan kali ini terus berjaya menyuntik semangat untuk melakukan yang terbaik sepanjang berada di UiTM ini.



**PERASMIAN BULAN KEMERDEKAAN**

**UITM CAWANGAN SELANGOR**  
**KAMPUS SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN**

**2 OGOS 2023 (RABU) | 8.30- 10.30 PAGI**  
**LOBI FAKULTI PERUBATAN**  
**UITM KAMPUS SUNGAI BULOH**

**PERASMIAN & SEMARAK MERDEKA 2023**

**16 OGOS 2023**

**PERTANDINGAN MENGHIAS KEK**

**MALAYSIA MADANI**  
TEXAD PERPADUAN PUHUI HARAPAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Selangor  
Kampus Sungai Buloh  
Selayang & Teluk Intan

Malaysian flags and balloons are visible in the background.

## PERASMIAN BULAN KEMERDEKAAN DAN SEMARAK KONVOI MERDEKA ANJURAN UITM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN

Setiap tahun pada tanggal 31 Ogos, seluruh rakyat Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan.

Hari Kemerdekaan atau juga dikenali sebagai Hari Kebangsaan disambut dengan begitu meriah pada setiap tahun di mana pelbagai acara mengikut tema Hari Merdeka akan diadakan. Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 yang dipilih pada tahun ini adalah Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan.

Pada 2 Ogos 2023 (Rabu) telah diadakan Majlis Perasmian Bulan Kemerdekaan dan Konvoi Semarak Merdeka di peringkat kampus. Majlis telah disambut meriah dengan kehadiran warga kampus seramai 150 orang dan peserta Konvoi

Semarak Merdeka 2023 seramai 40 orang. Pengarah Program INSP/PB Hadith bin Jamaludin Ketua Pejabat Polis Bantuan menyatakan bahawa objek utama konvoi itu adalah bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini, selain itu juga sebagai manifestasi patriotism terhadap tanah air yang tercinta. Konvoi Semarak Merdeka ini juga telah memeriahkan lagi Majlis Perasmian Bulan Kemerdekaan UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan dengan diiringi anggota polis trafik dari Bahagian Pengquatkuasaan Trafik (BSPT) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh.

Selain itu, pihak kampus juga menyediakan pelbagai program yang menarik yang bermula 2 Ogos 2023 dan

akan tamat dengan Majlis Penutup pada 12 September 2023. Terdapat pelbagai program yang telah dirangka dan dirancang oleh pelbagai unit dan jabatan. Antara programnya adalah seperti:

- 1) Pertandingan Dekorasi Merdeka di Pejabat
- 2) Pertandingan Fotografi
- 3) Ceramah Sempena Bulan Kemerdekaan
- 4) Pertandingan Menghias Kek
- 5) Pertandingan Persembahan Kreatif
- 6) Program Ekspedisi Jelajah Merdeka
- 7) Larian Kemerdekaan
- 8) Majlis Penutup

Antara objektif pelaksanaan sambutan bulan kemerdekaan pada kali ini ialah memupuk dan menyemarakkan semangat

patriotisme di dalam jiwa warga kampus, mencetuskan dan menyemarakkan perasaan, suasana dan semangat kemerdekaan, mewujudkan rasa kekitaan dan kerja berpasukan seterusnya mengeratkan perpaduan di semua peringkat dan kepada semua warga kampus.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Selain itu, majlis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada jemputan yang turut hadir iaitu YBhg Prof. Dr. Ahmad Nazrun Shuid, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Perubatan. Selain itu YBrs. Prof. Madya Dr. Mas Suryalis Ahmad, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Pergigian dan YBrs. Dr Aiemeeza Rajali, Timbalan Dekan Klinikal dan semua jemputan yang hadir.



# MERDEKA FUN RUN 2023



Seramai 270 peserta telah menyertai acara larian Merdeka 'Fun Run' 2023 sempena sambutan hari kemerdekaan negara kali ke-66 di UiTM Kampus Sungai Buloh pada 27 Ogos 2023.

Pengarah bagi acara Merdeka 'Fun Run' 2023 Insp/PB Tuan Hadith Jamaluddin berkata, acara ini diadakan bagi memperingati hari kemerdekaan negara sekaligus memperingati jasa-jasa pejuang sebelum ini. Cabaran bagi Merdeka 'Fun Run' kali ini adalah larian sejauh 3.7 km yang bermula dari dalam kampus dan di luar kawasan kampus.

Acara ini telah disempurnakan oleh YBhg. Professor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada semua warga UiTM yang telah hadir dari UiTM Kampus Shah Alam, UiTM Kampus Puncak Alam, UiTM Kampus Selayang dan UiTM Kampus Teluk Intan.







## FESKO 2023

Program Festival Kolej (FESKO) 2023 telah berlangsung dengan jayanya pada 3-5 November 2023 di Perkarangan RCI UiTM Sungai Buloh.

FESKO 2023 merupakan sebuah acara tahunan anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang yang mempunyai impak yang besar. Program ini telah berjaya menarik perhatian dan penyertaan pelajar kerana terdapat pelbagai aktiviti yang telah disusun sepanjang minggu festival tersebut. Untuk makluman juga, FESKO 2023 ini telah diadakan secara kolaborasi dan sinergi bersama semua Exco JPK iaitu ExoMultimedia, Exco Diplomatik, Exco Sukan dan Kebudayaan, Exco Keusahawanan dan Exco Sumber kemanusiaan. Selain itu juga, terdapat beberapa kelab di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar Pejabat Rektor telah dijemput untuk sama-sama menjayakan program ini.

FESKO 2023 ini juga telah memberi peluang kepada setiap exco untuk merealisasikan program-program mereka dengan menarik ramai pelajar untuk turut serta. Sepanjang program ini dijalankan, food truck dan gerai jualan telah diadakan di mana pelbagai makanan dan minuman yang akan disediakan. Variasi dalam penjualan makanan telah dapat menarik minat para pelajar untuk mengunjungi program FESKO 2023 ini serta memeriahkan suasana malam di kolej kediaman sekali gus ianya mengeratkan silaturahim antara penghuni kampus. Selain itu, FESKO 2023 ini juga memberi janaan pendapatan kepada JPK, hasil daripada penyewaan tapak gerai dan jualan tiket.



## GLOW PARTY ZUMBA



## WAYANG PACAK



## SHADOW OF FEAR





## TALK WITH INFLUENCER MR. GUY

Program 'Talk With Influencer Mr. Guy' anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UITM Kampus Sungai Buloh telah diadakan pada 5 November 2023.

Menyedari bahawa arus media sosial pada masa ini mempunyai pengaruh yang besar dikalangan pelajar, maka JPK mengambil inisiatif menjemput pempengaruh (Influencer) atau pencipta kandungan (content creator) media sosial yang popular di aplikasi Tik Tok iaitu Mr. Guy. Beliau telah berkongsi pengalaman daripada sudut teknikal penerbitan dan juga pemilihan penciptaan kandungan dalam setiap hantaran beliau di media sosial.



Program yang berformat forum ini telah mengajak penonton untuk melihat aplikasi media sosial daripada sudut yang baik dan positif. Ramai di kalangan pempengaruh (Influencer) yang menjalankan tanggungjawab berkongsi kepkaran dan maklumat di media sosial. Terdiri daripada latar dan pendidikan yang berbeza. Daripada seorang guru, aktivis, usahawan, pakar motivasi sehingga ke suri rumah, ibu atau bapa tunggal. Secara tidak langsung pempengaruh (Influencer) sebenarnya telah memberi impak yang besar dan berperanan dalam mendidik masyarakat dan pelajar khususnya.

Program yang telah dihadiri seramai 150 orang pelajar di kolej kediaman ini diharapkan dapat memberikan manfaat dan impak kepada semua pelajar yang hadir.

Kesimpulannya, kepada penghuni di kolej kediaman yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang penerbitan penciptaan kandungan, diharapkan perkongsian idea dan pengalaman daripada program ini akan dapat membantu dan memberi panduan untuk menjadi sebagai seorang pempengaruh (Influencer) dan pencipta kandungan yang kreatif dan bertanggungjawab di masa akan datang.



## I CAN SEE YOUR TALENT

Program yang berkonsepkan pertandingan bakat yang diberi nama 'I Can See Your Talent' ini telah diadakan pada 4 November 2023 bersempena dengan Festival Kolej 2023. Sebanyak 10 penyertaan berjaya ke peringkat akhir selepas peringkat saringan dijalankan. Pengiraan markah adalah berdasarkan penilaian daripada juri dan undian daripada penonton. Kategori yang dipertandingkan adalah Nyanyian solo moden/tradisional, Tarian moden/tradisional, Nasyid berkumpulan dan Band berkumpulan.

Antara objektif program ini diadakan adalah meningkatkan kualiti pelajar bukan sahaja dalam bidang perubatan ataupun pergigian malah dalam lapangan seni dan bakat yang lain. Selain itu juga, memberi nilai tambah kepada mereka untuk sedia bersaing dalam dunia yang kian mencabar dan sukar pada masa kini.

Program ini merupakan platform yang tepat untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan, berpengetahuan dan berkeyakinan tinggi dalam menunjukkan bakat dan kemahiran seni yang mereka ada kepada umum. Malah beberapa peserta dapat dikesan dan mampu diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Pertandingan ini juga telah dimeriahkan lagi dengan persembahan yang menarik dan memukau daripada sebuah kumpulan yang diberi nama 'The JAA'. Sebuah kumpulan muzik yang berkonsepkan EDM iaitu Electronic Dance Music.

Sambutan yang meriah dan maklum balas yang positif daripada pelajar memberi keyakinan dan petanda bahawa program yang seperti ini perlu diteruskan dan ditambah baik pada masa akan datang.





## NEON NIGHT : LOOK UP THE SKY

Program 'Neon Night : Look Up the Sky' ini telah diadakan pada 5 November 2023 bersempena Festival Kolej 2023. Program ini menampilkan Afiq Adnan, seorang penyanyi yang sedang meningkat naik di dalam industri hiburan dan juga sangat dikenali di kalangan pelajar masa kini. Kehadiran beliau adalah untuk berkongsi ilmu dan pengalaman, bagaimana cara untuk membahagikan masa di antara pelajaran dan kerjaya hiburan. Afiq Adnan juga telah menyampaikan beberapa buah lagu yang berjaya menghiburkan 230 orang hadirin yang membanjiri pentas utama.

Disamping itu juga, Afiq Adnan telah bersama-sama memeriahkan slot permainan 'Mind Game' yang bertujuan untuk pengujian minda dan penyelesaian masalah. Selaras dengan objektif program ini, jelas bahawa kesihatan mental pelajar meningkat lebih baik dan secara tidak langsung mampu mencapai hasrat UiTM untuk membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah mempunyai tahap kesihatan mental yang optimum.



## SIT N' LEARN WITH MISS ADIBAH (PENGASAS PRODUK KECANTIKAN THE RAW)

Sekali lagi JPK telah menganjurkan program berimpak tinggi dengan tema keusahawanan iaitu 'Sit N' Learn With Miss Adibah'. Program ini telah diadakan pada 4 November 2023 dan telah disertai seramai 230 orang pelajar kolej kediaman yang terdiri daripada pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian UiTM Kampus Sungai Buloh serta beberapa orang luar. Program ini menampilkan Miss Adibah, pengasas produk kosmetik sensasi, The RAW untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar berkenaan bidang Keusahawanan.

Sesi Ceramah dimulakan dengan :

Sesi 1: Perkongsian ilmu  
Tajuk: Keusahawanan Tanpa Batasan

Sesi 2: Soal Jawab antara Miss Adibah dan para pelajar

Objektif program ini telah dapat dicapai yakni merealisasikan hasrat UiTM untuk melahirkan graduan berciri keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari. (Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025). Dapat dilihat sepanjang program ini, pelajar sangat fokus kepada speaker jemputan dan menunjukkan minat yang tinggi.



Kesimpulannya, program ini memberikan pelbagai manfaat kepada penghuni kolej dan menjadi suatu penyebab dimana pelajar semakin sedar bahawa keusahawanan merupakan suatu bidang yang amat penting kepada semua individu tanpa mengira latar belakang pendidikan.



## TALK AND TRANSFORM WITH HIM!

Program TALK AND TRANSFORM WITH HIM! ini telah berjaya dilaksanakan pada 4 November 2023 bersempena FESKO 2023. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang ciri-ciri dan perwatakan serta personaliti yang diperlukan sebagai persediaan diri untuk menjadi seorang individu penting dalam sektor kesihatan negara. Program ini turut memberi tauladan dan teladan hidup daripada kisah peribadi ahli panel supaya kekal bersemangat untuk tetap meneruskan perjuangan dalam bidang yang diceburi.

Ahli panel yang dijemput ialah Dr. Muhamad Hazwan bin Nazri. Lebih dikenali sebagai Dr1 Share di platform TikTok, Dr1 juga menyeru para pelajar supaya memantapkan kemahiran 'soft skills' dengan menyertai organisasi kepimpinan kolej sebagai persediaan diri mengendalikan sebarang projek pada masa akan datang. Turut disentuh adalah kemahiran komunikasi, supaya pelajar lebih bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai kerenten masyarakat ketika tahun klinikal bermula agar memberikan imej yang positif kepada UITM Kampus Sungai Buloh.



**FESKO  
TENTATIVE**

**3 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)**

- 0400 PM - 1100 PM : NEON EMPORIUM
- 0730 PM - 0800 PM : MAJLIS PERASMIAN
- 0730 PM - 1000 PM : SHADOWS OF FEAR
- 0800 PM - 1000 PM : WAYANG PACAK

**4 NOVEMBER 2023 (SABTU)**

- 0830 AM - 1100 PM : NEON EMPORIUM
- 0900 AM - 1030 AM : LUMINESCENT SPARKS SHOW  
VOL. 1: DR1 SHARE
- 1030 AM - 1200 PM : LUMINESCENT SPARKS SHOW  
VOL. 2: THE RAW (MS ADIBAH)
- 0300 PM - 1000 PM : SHADOWS OF FEAR
- 0800 PM - 1100 PM : THE FINALE I CAN SEE YOUR TALENT

**5 NOVEMBER 2023 (AHAD)**

- 0830 AM - 1000 AM : GLOW PARTY ZUMBA
- 0830 AM - 0500 PM : NEON EMPORIUM
- 1030 AM - 1200 PM : LUMINESCENT SPARKS SHOW  
VOL. 3: MR GUY97
- 0200 PM - 0330 PM : MAJLIS PENUTUPAN DAN  
PENYAMPAIAN HADIAH
- 0330 PM - 0500 PM : LUMINOUS CONCERT: HEALING  
WITH AFIQ ADNAN

# Menjejak Wilayah Melayu Yang Hilang

# *A Journey To Songkhla*



Program Pengantarabangsaan daripada Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan kali ini telah memilih negara Thailand sebagai penanda aras dan negara untuk dilawati. Program ini telah disertai seramai 17 jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian. Program ini bermula daripada 21 sehingga 24 September 2023.



Perjalanan program bermula pada 21 September 2023 dimana para peserta telah bertolak daripada UiTM Kampus Sungai Buloh ke destinasi pertama iaitu Padang Besar, Perlis. Pengisian program di bawah tajuk LDK 1 - "Di bawah Langit Perlis" telah dilaksanakan dengan memfokuskan jalinan silaturrahim di antara sesama peserta sebelum bertolak ke bumi Thailand.

Pada hari kedua, 22 September 2023 peserta bergerak menuju ke Songkhla, Thailand melalui Sempadan Malaysia -Thailand di Padang Besar, Perlis. Bertemakan



keusahawanan, para peserta telah melawat beberapa lokasi seperti Ranu Kohyo (Kilang Gajus), Big Bee Farm (Kilang Madu Lebah), Khlong Hae Floating Market, dan ASEAN Night Bazaar. Para Peserta telah melihat sendiri bagaimana aktiviti keusahawanan mampu menjadi pemangkin dalam mengubah dan meningkatkan taraf hidup sesebuah komuniti. Sifat dan ciri-ciri yang ada pada seorang usahawan, seperti kreatif, berani menanggung risiko dan berorientasikan masa hadapan perlu dipelajari dan

diperlengkapkan kepada mahasiswa UiTM khususnya demi melahirkan usahawan bumiputera yang unggul.

Pada hari ketiga, dengan tema Diplomatik-Kebudayaan langkah dimulakan dengan Sesi 'JPK-PSU Cultural Exchange Program' melibatkan 17 orang JPK UiTM Sungai Buloh bersama 25 orang pelajar Dormitory Student Committee, Prince of Songkla University (PSU), Hatyai Campus. Sesi ini turut dihadiri oleh Dr. Phanida Sukseemuang, (Penolong Presiden Pembangunan Pelajar) Prince of Songkla University (PSU). Manakala delegasi UiTM Kampus Sungai Buloh terdiri daripada Unit Pengurusan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan diwakili oleh Puan Nurul Nadzirah Ismail (Penolong Pendaftar), Puan Noor Aznie Aziz (Pegawai Eksekutif) dan Puan Suhaili Ajib (Penolong Pengurus Asrama). Para pelajar PSU telah mendapat pengalaman bermain permainan tradisional masyarakat di Malaysia sambil mengenakan busana tradisional masyarakat Malaysia.


Hari ketiga diteruskan dengan lawatan pelajar ke Khao Tang Kuan yang menempatkan Royal Pagoda yang menyimpan budaya masyarakat Thailand. Seterusnya pelajar ke Pantai Samila dan di akhiri ke Lee Garden Night Market.



Pada hari terakhir program ini, 24 September 2023 kembali menggunakan tema Keusahawanan. Pelajar dapat melawat Kaysorn Souvenir dan tidak lupa juga Kim Yong Market dimana pelajar dapat berinteraksi secara langsung dengan masyarakat Songkhla, Thailand yang merupakan keturunan Melayu Pattani menggunakan dialek Bahasa Melayu yang dikenali sebagai Kecek Nayu (Dialek Melayu di Selatan Thailand). Perkara ini sejajar dengan objektif program untuk menjelajah wilayah dan masyarakat Melayu di Selatan Thailand.

Banyak pengalaman dan objektif program yang telah dapat dicapai bagi Program Pengantarabangsaan pada kali ini. Semoga galakan dan sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan ini dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk terus meneroka dunia luar dan meletakkan nama UiTM di peringkat antarabangsa sejajar dengan Pelan Strategik Uitm 2025 : Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan.





“

#### Objektif program:

- Memberi pendedahan kepada pelajar baharu tentang kemudahan di kampus
- Memberi penerangan tentang peraturan Akta 174 yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar UiTM
- Memberi pengenalan tentang hal-hal akademik kepada pelajar baharu
- Memberi motivasi kepada pelajar penerapan untuk menguruskan diri sendiri serta menyemarakkan semangat menimba ilmu bagi mencapai tahap kecemerlangan
- Menyemai dan menyuburkan sifat nilai-nilai murni dalam diri pelajar, disamping membentuk jati diri serta personaliti pelajar yang unggul

## PROGRAM HALUAN SISWA UITM

Haluan Siswa UiTM (HSU) adalah merupakan satu program yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Kolej (UPK) bersama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK).

Program Haluan Siswazah UiTM (HSU) ini telah berlangsung dengan jayanya pada 28 Oktober 2023 di Auditorium 1, Fakulti Perubatan UiTM Kampus Sungai Buloh. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar baharu berkaitan taklimat penting kolej, kemudahan kampus, peraturan yang sedang digunakan, pengurusan kampus dan lain-lain lagi.

Program Haluan Siswa UiTM (HSU) merupakan inisiatif yang penting dan integral kalender akademik universiti. HSU biasanya diadakan pada awal setiap semester untuk menyambut pelajar baharu yang mendaftar di UiTM Kampus Sungai Buloh.



## JPK CAKNA MENTAL HEALTH

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah menyokong kempen Cakna Kesihatan Mental (CAKNA) dengan mengambil inisiatif menganjurkan Program penanda aras 'JPK Cakna Mental Health' yang telah diadakan pada 18 November 2023 di UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dengan penglibatan Unit Pengurusan Kolej (UPK), Staf Residen Kolej (SRK) dan JPK UiTM Kampus Permatang Pauh. Program ini telah melibatkan seramai 35 orang pelajar daripada kedua-dua kampus, 3 orang Staf Residen Kolej dan 6 orang staf Unit Pengurusan Kolej.

Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada semua barisan UPK, SRK dan JPK dalam pengurusan kesihatan mental pelajar di kolej kediaman dan melihat fasiliti yang disediakan untuk tujuan tersebut.

Puan Dewi Anis Othman, Pengurus Asrama Kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh telah memberikan taklimat dan penerangan berkenaan urusan operasi kesihatan mental dan fasiliti yang ada seperti bilik Bayu Kristal. Bilik ini merupakan bilik Stress Free Zone dan Mini Library yang telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy bin Razali pada 19 Jun 2023.

Seterusnya, Encik Mohd Zulkhairi Ibrahim, Pegawai Psikologi Kanan telah menerangkan langkah-langkah awal bagi mengatasi kesihatan mental pada diri pelajar. Antara teknik yang dikongsi beliau adalah tindakan individu kepada pesakit mental melalui 'Look, Listen and Link'.

Aktiviti lain adalah slot yang bertajuk 'Jar Of Fear'. Pelajar telah dipecahkan kepada 3 kumpulan dan diberi tugas individu. Pelajar perlu memberikan perkongsian ilmu dan pengalaman daripada keputusan yang diperolehi melalui tugas yang diberikan kepada semua ahli kumpulan.

Objektif lawatan sebagai penanda aras dan perkongsian maklumat dan pengalaman menguruskan operasi kesihatan mental dan penyediaan fasiliti di UiTM Kampus Permatang Pauh adalah tercapai dan diharapkan penambahbaikan juga dapat dilaksanakan di UiTM Kampus Sungai Buloh.





## KARNIVAL SUKAN TRADISIONAL

Karnival Sukan Tradisional telah diadakan pada 28 Oktober 2023 yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Program ini telah dihadiri oleh 185 orang pelajar, terdiri dari pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

Setiap peserta telah dipecahkan kepada 20 kumpulan yang terdiri dari 8 orang setiap kumpulan. Mereka diberikan peta untuk memudahkan pergerakan mereka dan menghindari pertemuan di checkpoint masing-masing. Susunan telah dirancang untuk menghindari pertemuan kumpulan yang sama di checkpoint tertentu. Disetiap checkpoint pelajar telah diberikan tugas untuk bertanding dengan permainan tradisional atau sukan rakyat.

Antara sukan tradisional tersebut adalah batu seremban, congkak, karom, ceper dan tarik tali. Konsep pertandingan yang diterapkan adalah berbentuk sistem liga. Karnival Sukan Tradisional ini telah dapat memberikan impak positif kepada para pelajar dengan menghidupkan kembali keindahan permainan tradisional yang semakin dipinggirkan oleh perkembangan zaman dan teknologi gajet.



## THRIFT & THRIVE

Program THRIFT N' THRIVE (TNT) adalah suatu program berunsurkan penggunaan semula barang bagi mengelakkan pembaziran berlaku. Dengan adanya program ini, jumlah barang buangan pelajar kolej dapat dikurangkan terutamanya ketika penghujung semester, dimana pelajar perlu mengosongkan kolej kediaman.


Antara impak yang diperolehi daripada program ini ialah:

1. Pelajar kolej dapat diterapkan dengan amalan berjimat cermat dan mengaplikasikan konsep 3R yakni penggunaan semula barang yang masih dalam keadaan yang baik.
2. Mewujudkan persekitaran universiti yang lestari dan kondusif untuk para pelajar.
3. Program ini mampu mengelakkan pembaziran di peringkat kolej kediaman sekaligus mengelakkan berlakunya pencemaran barang.



## BOONDLE: BOOK BUNDLE

Program ini dilaksanakan bagi memberikan suatu medium atau platform kepada para pelajar di kolej kediaman untuk mencari buku-buku rujukan. Hal ini kerana, harga buku baharu untuk para pelajar perubatan dan pergigian agak mahal di pasaran. Beban para pelajar dapat diringankan melalui Program BOONDLE: BOOK BUNDLE.



## JPK'S BEST EXCO

Jawatankuasa Perwakilan Kolej, Kampus Sungai Buloh dan Kampus Selayang UiTM Cawangan Selangor telah menjayakan Majlis JPK's Best Exco pada 16 Disember 2023 di Concorde Hotel, Shah Alam.

Penganjuran majlis ini adalah satu bentuk penghargaan dan suntikan motivasi kepada semua pelajar untuk terus bersemangat dan lebih aktif melibatkan diri dalam

penganjuran program-program berimpak tinggi demi kecemerlangan UiTM Cawangan Selangor.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran YBrs. Prof Madya Dr Badrul Isa, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM Cawangan Selangor. Dalam majlis tersebut, Exco Keusahawanan yang diterajui oleh Saudara Mohammad Shameer Ihaping dan Saudari Amira Aqilah

Khairulnizam telah dinobatkan Anugerah Best Exco 2023.

Tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang telah menerima anugerah dan telah berkhidmat dengan jayanya sepanjang tahun 2023.



# JPK 2022/2023



